



## **KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

---

### **MOTAC SUDAH MULAKAN LIBAT URUS DAN PERBINCANGAN RENTAS KEMENTERIAN, INDUSTRI DISERU SEGERA LENGKAPKAN DOKUMEN**

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mengambil maklum mengenai memorandum yang diserahkan oleh sembilan (9) persatuan pelancongan kepada YAB Perdana Menteri melalui YB Tuan Chiew Choon Man, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, berhubung **kesan kenaikan harga diesel terhadap operasi bas persiaran.**

Susulan itu, MOTAC telah mengadakan sesi libat urus bersama wakil-wakil persatuan pelancongan bagi mendapatkan pandangan serta maklum balas secara langsung daripada pihak industri mengenai cabaran yang sedang dihadapi.

Pada masa yang sama, **MOTAC telah mengadakan perbincangan bersama Kementerian Kewangan (MOF) bagi meneliti pendekatan yang paling sesuai dan praktikal untuk membantu industri menangani cabaran semasa, khususnya melibatkan pengusaha bas persiaran dan sektor berkaitan.** Sejak awal lagi, MOTAC telah meminta semua persatuan dan pengusaha yang terlibat mengemukakan data penggunaan diesel serta perbandingan kos pengisian bahan api sebelum dan selepas krisis di Timur Tengah. Namun demikian, sehingga kini masih belum dapat maklumat dan dokumen yang diperlukan. Maklumat ini amat penting bagi membolehkan kerajaan menilai secara tepat tahap peningkatan kos sebenar yang ditanggung oleh pengusaha, seterusnya menentukan bentuk serta kadar insentif cukai yang paling bersesuaian.

Kementerian Kewangan pada dasarnya telah bersetuju untuk meneliti cadangan berkaitan. Namun demikian, **penetapan sebarang bentuk bantuan tidak boleh dibuat secara sewenang-wenangnya tanpa disokong oleh data yang lengkap dan tepat.** Sekiranya keputusan dilaksanakan tanpa gambaran sebenar keadaan industri, ia berisiko tidak mencerminkan keperluan sebenar pengusaha serta menimbulkan ketidakpuasan dalam kalangan pemain industri sendiri.

Sehubungan dengan itu, **MOTAC sekali lagi menyeru semua persatuan dan pengusaha yang masih belum mengemukakan maklumat serta dokumen yang diperlukan supaya berbuat demikian dengan kadar segera.** Kerjasama semua pihak amat penting bagi membolehkan kerajaan mempercepatkan proses penilaian dan seterusnya melaksanakan langkah bantuan yang benar-benar bersasar, adil dan berkesan.

Keutamaan MOTAC sentiasa tertumpu kepada kesejahteraan rakyat dan kelangsungan industri pelancongan negara. Sebarang langkah susulan akan dilaksanakan secara berperingkat selepas melalui penilaian dan pertimbangan yang menyeluruh, bagi memastikan keseimbangan antara kelangsungan operasi industri, kedudukan fiskal negara serta pertumbuhan ekonomi yang mampan.

**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**  
**30 JUN 2026**

---

*Dikeluarkan oleh:*

**Unit Komunikasi Korporat**  
**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)**

*Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181*

*Website: [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my) Email: [group.ukk@motac.gov.my](mailto:group.ukk@motac.gov.my)*

*Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac*

